

## BORANG PENYERTAAN

Judul Karya: .....

.....

Nama: .....

No.K/P:..... Tarikh Lahir:.....

Tingkatan/Tahun Pengajian (Matrikulasi):.....

Alamat Sekolah/Kolej Matrikulasi: .....

.....

Telefon:..... Email:.....

Alamat Rumah:.....

.....

Telefon:..... E-mail:.....

### (PESERTA KEDUA)

Nama:.....

No K/P:..... Tarikh lahir:.....

Tingkatan: ..... Alamat Rumah: .....

.....

Telefon:..... E-mail:.....

### (PESERTA KETIGA)

Nama:.....

No.K/P:..... Tarikh Lahir: .....

Tingkatan:..... Alamat Rumah:.....

.....

Telefon:..... E-mail:.....

## SENARAI SEMAKAN

Pastikan butiran di bawah **DITANDA** (✓)

Setiap halaman dicatat nombor muka suratnya  
(Rujuk Format Karangan - 2)

Jumlah bilangan perkataan dicatat pada muka surat  
akhir (Rujuk Format Karangan - 3)

Ada disertakan bibliografi  
(Rujuk Syarat Penyertaan - 6)

Petikan/Kutipan dinyatakan dalam Nota kaki/Nota  
Hujung (Rujuk Syarat Penyertaan - 7)

Tiada Pengenalan Diri pada Karya  
(Rujuk Syarat Penyertaan - 10)

Karya Berkumpulan terdiri daripada 3 (tiga) orang  
sahaja (Kategori Ting. 1-3 & Ting 4-5)

Guru Pembimbing telah menandatangani Borang  
Pengesahan (Semua kategori)

Pengetua/Pengarah Kolej Matrikulasi telah  
menandatangani borang pengesahan

\* Senarai Semakan untuk ditanda oleh Guru  
Pembimbing

## PENGESAHAN

Dengan ini disahkan bahawa karya sejarah yang dikemukakan  
bersama-sama ini adalah karangan asli dan mematuhi Syarat  
Penyertaan Pertandingan Menulis Sejarah Malaysia 2023.

Tandatangan Penulis : .....

Tarikh : .....

Dengan ini saya mengesahkan pernyataan di atas dan telah  
menyemak serta mengambil tindakan sewajarnya terhadap  
Senarai Semakan berkenaan.

Guru Pembimbing: .....

Email/Tel. Bimbit: .....

Tandatangan : .....

Tarikh : .....

.....  
Pengetua / Pengarah Kolej Matrikulasi (Cop Rasmi)

Tarikh: .....

### Nota:

- Setiap peserta mestilah mencatatkan maklumat diri dan menandatangani borang ini.
- Setiap karya mesti disertakan dengan borang Penyertaan, Senarai Semakan dan Pengesahan.
- Borang Penyertaan, Senarai Semakan dan Pengesahan boleh dibuat salinan.

## PENGHANTARAN

Karya berserta borang boleh dihantar kepada:

Pengerusi Jawatankuasa  
Pertandingan Menulis Esei Sejarah Malaysia 2023  
Persatuan Sejarah Malaysia  
Aras 3, Anjung Wisma Sejarah  
230 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur

Tarikh Tutup : **15 November 2023**

## PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dibuat terus kepada:-

Setiausaha Eksekutif  
Persatuan Sejarah Malaysia  
Tel: 03-2681 5388 / 6388  
Email: psejmal@gmail.com



Tuanku Abdul Rahman dan timbalannya, Tun Abdul Razak bin Hussein melepaskan pasukan khas tentera Tanah Melayu ke Congo pada 1 Julai 1961 di Port Swettenham.

Sumber : 7th Renjer-Insiden di Kindu.

Pertandingan Menulis Esei  
**SEJARAH  
MALAYSIA 2023**



Anjuran :  
**PERSATUAN  
SEJARAH  
MALAYSIA**

Dengan sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia:  
Rujukan: KPM.600-12/1/4. Jld.37(78)



## OBJEKTIF

- Menggalakkan pelajar menjalankan kajian penyelidikan dan menulis sejarah Malaysia
- Menggalakkan Guru Sejarah membimbing pelajar menyelidik sejarah Malaysia
- Menimbulkan kesedaran, minat dan penghayatan dalam kalangan pelajar terhadap sejarah Malaysia
- Menggalakkan Persatuan Sejarah di sekolah untuk membantu pelajar membuat kajian dan penyelidikan sejarah tanah air
- Memupuk semangat patriotisme dalam kalangan pelajar
- Mendapatkan karya yang bermutu untuk diterbitkan, sebagai usaha memperkayakan sumber sejarah tanah air
- Memperbanyakkan bahan rujukan sejarah tempatan di PSM

## PENYERTAAN

Penyertaan dibahagikan kepada 3 kategori:-

- Tingkatan 6/Matrikulasi - **Perseorangan sahaja**
- Tingkatan 4-5 - **Perseorangan atau Kumpulan\***
- Tingkatan 1-3 - **Perseorangan atau Kumpulan\***

\* Setiap kumpulan **TIDAK BOLEH** melebihi 3 orang

## ASPEK ESEI

### KATEGORI PERINGKAT MENENGAH RENDAH

Anda dipelawa menulis sebuah karangan tentang :

- seorang tokoh tempatan di kawasan anda yang belum diterbitkan sebuah buku sejarah hidupnya. Karya tersebut hendaklah mempamerkan kepentingan, sumbangan dan jasa setempat, (Rujuk Panduan dan Maklumat Am, Perkara A.9)
- satu peristiwa penting/bersejarah yang pernah berlaku di tempat anda,
- sebuah monumen (bangunan/binaan, tinggalan) atau satu tempat bersejarah di tempat anda,

d. sebuah institusi/pertubuhan tempatan (selain sejarah sesebuah sekolah) yang berkaitan dengan aktiviti kemasyarakatan seperti hal keagamaan, kebajikan, pendidikan, sukan, kesenian, pertubuhan belia dan lain-lain yang terdapat di tempat anda,

e. sebuah organisasi atau suatu aktiviti berkaitan perkembangan ekonomi di tempat anda seperti sebuah ladang atau satu usaha pertanian / penternakan, kilang perusahaan, bank, syarikat kerjasama, syarikat pengangkutan, syarikat perniagaan dan lain-lain kegiatan yang memberi sumbangan kepada kemajuan masyarakat dan atau pembangunan tempat anda.

Karangan tidak perlu terlalu panjang, sekitar 1500–3000 perkataan adalah memadai.

### KATEGORI PERINGKAT MENENGAH ATAS DAN TINGKATAN VI / MATRIKULASI

Anda diminta menulis sebuah karangan tentang satu tajuk yang ada hubung kait dengan mana-mana satu bidang berikut :-

- Pendidikan (selain sejarah sesebuah sekolah)
- Pentadbiran awam
- Keselamatan dan ketenteraman awam
- Ekonomi
- Politik
- Kesihatan dan perubatan
- Hal ehwal kemasyarakatan
- Hubungan Antarabangsa

Setiap karangan haruslah berfokus kepada tajuk yang dipilih itu. Elakkan penulisan yang terlalu umum. Adalah diharap semakin khusus sesuatu karangan itu, semakin terjurus dan mendalam kajiannya.

Sekiranya anda memilih untuk menulis tentang sejarah hidup seseorang tokoh, ia hendaklah mempamerkan sumbangan dan peranan serta kepentingannya dalam sejarah. (Rujuk Panduan dan Maklumat Am, Perkara A.9)

\*Peserta semua kategori perlu mematuhi Panduan dan Maklumat Am serta perkara lain yang berkaitan.

## PANDUAN DAN MAKLUMAT AM

### A. SYARAT PENYERTAAN (RUJUKAN BAGI SEMUA KATEGORI)

- Karya hendaklah ditulis dalam **BAHASA MELAYU**.
- Setiap sekolah dan Kolej Matrikulasi hanya dibenarkan menghantar **2 (maksimum)** karya terbaik bagi setiap kategori:

|                         |           |
|-------------------------|-----------|
| Tingkatan 6/Matrikulasi | - 2 karya |
| Tingkatan 4-5           | - 2 karya |
| Tingkatan 1-3           | - 2 karya |
- Setiap penyertaan hendaklah dibuat melalui borang penyertaan yang disahkan oleh Pengetua Sekolah/Pengarah Kolej Matrikulasi
- Panjang setiap karya adalah seperti berikut:-

|                         |                            |
|-------------------------|----------------------------|
| Tingkatan 6/Matrikulasi | <b>4000-7000 perkataan</b> |
| Tingkatan 4-5           | <b>3000-6000 perkataan</b> |
| Tingkatan 1-3           | <b>1500-3000 perkataan</b> |

\* *Sila ambil perhatian bahawa nota hujung, nota kaki, bibliografi, apendik/lampiran tidak diambil kira dalam jumlah bilangan perkataan.*

- Karya mestilah hasil kajian atau penyelidikan asal. Sumber sejarah hendaklah berdasarkan lisan, dokumen dan artifak. Rujukan laman web mesti dinyatakan secara terperinci.
- Setiap karya perlu mengandungi **bibliografi**.  
*Contoh: Omar Mohd Hashim, Sejarah dan Masyarakat: Mengimbu Masa Lalu, Memacu Masa Depan, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 2013.*
- Setiap kutipan atau petikan mesti dinyatakan sumber rujukan di **Nota Kaki atau Nota Hujung**.  
*Contoh: 1. Mohd Arof Ishak, "Siri Sembang-Sembang Sejarah, Wawasan Merdeka: Dilema dan Hati Budi Orang Melayu" Warkah PSM, Julai-September 2009, 8.*
- Semua penulisan mestilah memberi perhatian penting terhadap **aspek pensejarahan seperti perkembangan mengikut kronologi**.

9. Karya berkenaan tokoh yang telah diterbitkan buku tentangnya tidak diterima melainkan penulisan anda itu merupakan satu kajian mendalam yang terjurus tentang satu aspek sumbangan/episod penting dalam sejarah tokoh tersebut.

10. Peserta **tidak dibenarkan** menulis nama atau sebarang pengenalan diri pada karya yang dikemukakan. **Maklumat berkenaan hendaklah ditulis dalam borang penyertaan sahaja.**

11. Karya yang pernah menyertai pertandingan atau pernah diterbitkan, atau dalam proses penerbitan, atau telah/akan digunakan untuk penilaian peperiksaan, latihan ilmiah dan tesis tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.

12. Semua naskhah karya tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik Persatuan Sejarah Malaysia (PSM). Jika karya tersebut diterbitkan PSM memegang hak penerbitan karya tersebut tetapi pengarang masih memegang hak ciptanya. Pihak PSM berhak menyunting karya yang hendak diterbitkan.

13. Keputusan Panel Hakim adalah **MUKTAMAD**.

### TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

**Tarikh tutup pertandingan** adalah pada **15 November 2023**.

## FORMAT KARANGAN

- Peserta dinasihatkan menaip karya dengan jarak DUA (2) BARIS menggunakan sebelah muka kertas putih saiz A4 (29.5 sm x 21 sm), dikosongkan ruang tepi kertas pada sebelah kiri dan kanan dengan jarak 2.5 sm.
- Karya hendaklah ditaip dengan kemas, muka surat dicatat, tanpa menggunakan 'WordArt' dan hiasan yang keterlaluan. Karya tersebut hendaklah dikotot/dilekatkan dengan kemas supaya tidak tercipir.
- Jumlah perkataan dan tarikh penulisan karya perlu dicatatkan pada muka surat terakhir karya.

## KRITERIA PENILAIAN

Karya yang layak dipertandingkan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut :

- Karya ditulis secara terfokus kepada tema dan tajuk yang dipilih. Isi karangan mestilah menepati tajuk esei.
- Isi karya dibina berdasarkan sintesis maklumat dari sumber primer dan sekunder.

3. Setiap isi dikupas secara analitis, logikal dan tersusun.

4. Isi karya dan analisis disampaikan melalui persembahan yang teratur dari segi hujahan, gaya bahasa, peralihan perenggan yang jelas, diksi dan tatabahasa yang baik.

5. Struktur penulisan tidak dipecahkan kepada Bab tetapi cukup sekadar Tajuk Kecil sahaja.

6. Karya memperlihatkan teknik dokumentasi sumber yang tersusun. Setiap kutipan petikan dan maklumat yang digunakan dalam karya diberikan catatan nota kaki yang betul.

7. Karya menyediakan senarai bibliografi yang lengkap dan juga pelbagai sumber maklumat lain seperti sumber lisan.

8. Berdasarkan di atas, penilaian akan memberi pertimbangan kepada

- Isi kandungan dan penyelidikan
- Persembahan dan struktur
- Tafsiran dan analisis
- Rujukan dan bibliografi.

## HADIAH

|                | Kategori Menengah Rendah | Kategori Menengah Atas | Kategori Tingkatan 6/ Matrikulasi |
|----------------|--------------------------|------------------------|-----------------------------------|
| <b>Pertama</b> | <b>RM1250</b>            | <b>RM1750</b>          | <b>RM2000</b>                     |
| <b>Kedua</b>   | <b>RM1000</b>            | <b>RM1500</b>          | <b>RM1750</b>                     |
| <b>Ketiga</b>  | <b>RM750</b>             | <b>RM1250</b>          | <b>RM1500</b>                     |

## HADIAH SAGUHATI

Selain hadiah bagi tempat pertama, kedua dan ketiga. Sebanyak 3 hadiah saguehati bernilai RM200 bagi setiap kategori akan disediakan untuk penyertaan yang tidak mendapat tempat pertama, kedua atau ketiga tetapi mempamerkan mutu karangan yang layak mengikut pandangan panel hakim pertandingan.

Guru Pembimbing kepada peserta yang memenangi tempat pertama, kedua dan ketiga akan diberi saguehati RM200 setiap satu.